

# Tinjau persiapan majlis bersama rakyat

Dari muka 1

Dengan tema persembahan khas 'Raja Berwawasan, Negara Terpimpin', latihan penuh yang diadakan tersebut menumpukan sepenuhnya pada atur cara keberangkatan Kebawah DYMM bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk di daerah berkenaan.

Turut hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Idris bin Haji Ali dan Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar serta Pegawai Daerah Temburong, Awang Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud,

selaku Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi Daerah Temburong.

**MENTERI** Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (kanan), selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 Tahun semasa meninjau lebih dekat lagi persiapan sambutan perayaan di Daerah Temburong.



PARA peserta persembahan khas ketika sesi latihan penuh dijalankan yang bertemakan 'Raja Berwawasan, Negara Terpimpin' dengan konsep gerak laku berirama.

# UNISSA tandatangani MoU di Rusia



REKTOR UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal (tengah) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Mufti Rusia yang ditandatangani oleh Timbalan Pengerusi Mufti Rusia, Yang Berbahagia Rushan Hazrat Abbyasov (dua, kanan). Majlis berlangsung di Pejabat Majlis Mufti Rusia, Moscow (atas). Sementara gambar kanan, Dr. Haji Norarfan bertukar dokumen bersama Dr. Rafik Muhametshin yang berportfolio sebagai Rektor dan pengerusi institusi berkenaan sejurus menandatangani MoU bersama IUK, RII dan CIE yang dimeterai di Kazan, Tatarstan, Rusia.

Dari muka 1

Dalam perjumpaan bersama pihak MIRBIS, Rektor UNISSA menyambut baik jalinan kerjasama yang akan dilaksanakan khususnya dalam bidang Ekonomi Islam, Perbankan Islam, Pentadbiran Islam dan Penyelidikan Halal. Beliau juga berharap untuk

menghantar pelajar UNISSA dalam program perniagaan melalui Program Belajar di Luar Negara untuk satu atau dua semester bagi pelajar UNISSA yang bekelayakan. Semasa berada di Moscow, Rektor UNISSA juga berkesempatan membuat beberapa kunjungan hormat, iaitu kepada

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam di Russia, Tuan Yang Terutama Haji Haini bin Haji Hashim dan Mufti Kazan, Sahibus Samahah Sheikh Kamil Sami'ullah. Kunjungan Rektor UNISSA ke Persekutuan Rusia adalah atas inisiatif dan undangan dari pihak RMC melalui Kedutaan Besar



Rusia di Negara Brunei Darussalam, selain ia juga dalam usaha menjalinkan hubungan kerjasama dalam bidang pendidikan khususnya pengajian Islam di antara dua buah negara.

Dalam kunjungan berkenaan, beliau juga sempat membarigakan akan peluang belajar dan mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan di UNISSA kepada warga Rusia.